

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

TAJUK : PENJODOH BILANGAN

NAMA :

1. Mak Leha memetik se _____ pucuk ubi dan beberapa _____ serai di kebunnya.

A ikat...ulas
B cekak...batang
C jemput...butir
D rumpun...genggam

2. Pengakap muda itu mencari beberapa _____ kayu untuk mendirikan khemah.

A buah
B ketul
C batang
D kaki

3. Pak Aji melepaskan beberapa _____ tembakan untuk menghalau monyet-monyet itu.

A butir
B biji
C das
D gugus

4. Jika dilihat dari jauh, ekor anab kelihatan seperti _____ kapas.
- A seketul
 - B segumpal
 - C selonggok
 - D sehelai
5. Aini membelek beberapa _____ majalah lama milik ayahnya.
- A keping
 - B biji
 - C lembar
 - D naskhah
6. Pihak Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur akan membina lima _____ rumah pangsa untuk penempatan setinggan.
- A blok
 - B bidang
 - C kumpulan
 - D gugus
7. Puan Ros membeli lima _____ apam balik dari gerai itu.
- A buah
 - B biji
 - C keping
 - D ulas
8. Ayah menjual beberapa _____ kelapa muda kepada pemuda itu.
- A buah
 - B tangkai
 - C sikat
 - D tandan

9. Pihak polis telah menjumpai dua _____ beg yang mengandungi duit palsu semasa serbuan itu.

- A keping
- B buah
- C helai
- D potong

10. Pak Ibrahim mengait beberapa _____ buah langsung di dusun buah-buahannya.

- A tandan
- B gerombolan
- C kawan
- D gugus

11. Pekerja itu dimarahi ketuanya kerana membuang _____ rokok yang masih bernyala ke dalam bakul sampah.

- A bidang
- B seruas
- C puntung
- D gelung

12. Saya hanya makan _____ durian untuk merasainya.

- A seketul
- B seulas
- C sehiris
- D sebuah

13. Ayah menghadiahkan _____ bunga kepada emak sempena Hari Ibu.

- A sekotak
- B sejambak
- C sebungkus
- D sekeping

14. Juwita membeli _____ majalah di kedai yang baru dibuka itu.

- A setimbun
- B senaskhah
- C sebuah
- D sehelai

15. Beberapa _____ jalan raya terpaksa ditutup sebagai akibat hujan lebat semalam.

- A batang
- B baris
- C kaki
- D jalur

16. _____ jala yang ayah selalu gunakan itu telah koyak.

- A Seikat
- B Seutas
- C Sejambak
- D Serawan

17. Abang telah membeli _____ cincin untuk bakal tunangnya.

- A. bentuk
- B. utas
- C. buah
- D. biji